

# PM: Ambil kesempatan daripada jenama baru di pasaran

UM 30 JUL 2000

SEPANG 29 Julai — Usahawan tempatan diminta mengambil kesempatan daripada kewujudan banyak jenama baru di pasaran dunia untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pengedaran barangan serantau.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ia boleh dilaksanakan kerana Malaysia menawarkan kos operasi yang lebih rendah berbanding kos di negara-negara jiran.

Menurutnya, usahawan tempatan harus mencuba sedaya upaya untuk mencari jenama baru yang belum diperkenalkan kepada negara lain lagi.

“Saya rasa syarikat yang mengeluarkan sesuatu jenama baru ini perlu diberi hak untuk pengedaran (di rantau ini),” katanya ketika berucap pada majlis pembukaan kedai bebas cukai Harrods yang pertama di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, usaha tersebut dilihat sebagai usaha sokongan kepada hasrat kerajaan yang mahu negara ini menjadi pusat membeli-belah.

Harrods misalnya, kata beliau, dapat memberikan sumbangan memperkenalkan KLIA kerana ia sudah dikenali umum.

---

## Berusaha

Bngaimanapun, KLIA sendiri juga perlu berusaha untuk membuatkan ia dikenali ramai.

“KLIA baru dan perlu mencipta namanya dan salah satu cara ialah dengan dikaitkan dengan nama yang terkenal,” katanya lagi.

Perdana Menteri menambah, termasuk Harrods merupakan satu permulaan bagi memberikan laluan kepada jenama lain yang terkenal ke dalam pasaran negara ini.